

12 FEB | Crisis Communications  
25 MAR | Media Relations  
8-9 APR | Media Spokesperson



FIND OUT MORE

Q [www.kiniacademy](http://www.kiniacademy)  
+6012 721 2181



BERITA

708  
SHARES  

## Teresa harap india tingkatkan perniagaan dengan M'sia

Bernama

Diterbitkan 27 Jan 2020, 5:45 pm

A<sup>+</sup> A<sup>-</sup>

Menteri Industri Utama Teresa Kok Suh Sim menyuarakan harapannya supaya India meningkatkan perniagaan di negara ini, selain perniagaan Malaysia juga melabur di India.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas artikel *Reuters* baru-baru ini bahawa pengeluar utama gula Malaysia, MSM Malaysia Holding, anak syarikat FGV Holdings Bhd, akan meningkatkan belian gula mentah dari India, yang menurut sumber, ia merupakan sebahagian daripada usaha untuk meredakan pertikaian dengan India membabitkan import minyak sawit

"Ya, saya sudah membaca artikel itu. Ia adalah antara anak syarikat FGV Holdings yang mahu membeli lebih banyak gula dari India, saya gembira kerana ada sektor swasta di bawah FGV yang bersedia berbuat demikian."

"Pada lawatan terakhir ke India, saya bertemu dengan menteri perdagangan mereka, aduan utama mereka ialah India membeli minyak sawit dari kita, oleh itu kita juga harus membeli lebih banyak produk mereka, termasuk gula, beras basmati dan banyak lagi," katanya kepada pemberita selepas sambutan Tahun Baharu Cina dan persembahan tarian naga, Majlis Pengurusan Bersama Komuniti Scott Garden (JMC) 2020 di Kuala Lumpur hari ini.

Bulan ini India menghentikan import minyak sawit Malaysia, tindakan yang dilihat sebagai tindak balas terhadap kenyataan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yang mengkritik dasar New Delhi mengenai Kashmir.

- *Bernamea*

**AGENCY:** MalaysiaKini

**LINK:** <https://www.malaysiakini.com/news/508593>